



Available online at www.sciencedirect.com

ScienceDirect

Procedia - Social and Behavioral Sciences 134 (2014) 399 – 407

Procedia
Social and Behavioral Sciences

ICLALIS 2013

Kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian membaca murid peringkat prasekolah

Suraya Tarasat^{a*}, Aisah Daud^b

^{a,b}Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tunku Link, BE1410,
Negara Brunei Darussalam

Abstrak

Membaca merupakan satu kemahiran asas yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid bagi membolehkan mereka mengikuti dan menguasai mata-mata pelajaran yang lain seperti Sains, Matematik dan lain-lain. Walau bagaimanapun, hasil daripada kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kebanyakan murid di sekolah rendah masih belum dapat menguasai kemahiran membaca. Jadi, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian asas membaca murid-murid peringkat prasekolah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuasi-eksperimen yang melibatkan seramai 22 orang sampel murid prasekolah di sebuah sekolah di Daerah Brunei dan Muara. Sampel kajian ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan perisian asas membaca (PAM) dan kumpulan kawalan yang diajar secara pengajaran tradisional (PT). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian keseluruhan kemahiran asas membaca di antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan perisian asas membaca berkesan dalam membantu meningkatkan pencapaian asas membaca murid-murid peringkat prasekolah. Selain itu, hasil kajian ini telah memberikan implikasi kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under CC BY-NC-ND license.

Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

Kata kunci: Kemahiran membaca; asas membaca; prasekolah; perisian asas membaca

1. Pengenalan

Salah satu matlamat pendidikan di peringkat prasekolah di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah untuk memantapkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira serta kemahiran berfikir (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009). Hal ini kerana kemahiran membaca ini sangat penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rasid dkk, 2012) serta membantu murid-murid untuk

* Corresponding author: Suraya Tarasat Tel.: +673-2463001; fax: +673-2460561.
E-mail address: kartika.rahman@ubd.edu.bn, suraya.tarasat@ubd.edu.bn

berjaya dalam pembelajaran mereka (Schatschneider, Fletcher, Francis, Carlson & Foorman, 2004). Selain daripada itu, dengan menguasai kemahiran membaca akan menjadikan diri kanak-kanak lebih yakin, aktif dan bertenaga (Zahir, 2009). Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh mahasiswa dan mahasiswi di NBD menunjukkan bahawa wujudnya masalah murid yang tidak menguasai kemahiran membaca. Umpamanya, dapatan kajian Issah (1994) menunjukkan bahawa 3.2% murid-murid di sekolah tidak pandai membaca. Tujuh peratus daripada murid-murid ini didapati sebagai pembaca yang lemah. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Faridah (1990) menunjukkan bahawa hanya 58% pelajar tingkatan satu mampu memberikan jawapan yang betul bagi soalan kefahaman Bahasa Melayu manakala selebihnya 42% memberikan jawapan yang salah. Sebahagian daripada pelajar ini tidak dapat memberikan jawapan yang betul walaupun jawapan tersebut ada di dalam teks yang diberikan. Dapatkan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa antara punca utama murid-murid di NBD ini mempunyai pencapaian yang rendah dalam membaca adalah disebabkan oleh faktor pedagogikal (Suraya & O'Neill, 2012) seperti pengajaran secara tradisional yang tidak menyeronokkan dan berkesan untuk murid (Aminah, 1984; Azaharaini, 1986; Ministry of Education (MOE), 1988; Attwood & Bray, 1989). Secara khususnya, pencapaian yang rendah dalam membaca ini dikaitkan dengan kurangnya bahan-bahan bacaan (Buntar, 1993), kurangnya perbendaharaan kata, lemah dalam ejaan, ketidakmampuan untuk menyebutkan perkataan-perkataan yang dieja dan kurangnya minat dan motivasi untuk membaca (Malai Rabiah, 1997) dan juga pengaruh dialek (Martin, Ozog & Poedjosoedarmo, 1996) dan juga pedagogi (Sutinah, 2011). Sehubungan dengan itu, guru memainkan peranan penting dalam mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran mereka.

Berdasarkan daripada faktor-faktor tersebut, maka pengkaji ingin meninjau kesan penggunaan perisian asas membaca yang telah dibangunkan oleh pengkaji terhadap pencapaian kemahiran asas membaca murid-murid prasekolah. Hal ini kerana dewasa ini, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) amat mempengaruhi dunia pendidikan. Malah ini selaras dengan kehendak Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) yang ingin membawa beberapa perubahan besar dalam konteks pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, dengan pengintegrasian multimedia dalam mengajarkan Bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran kemahiran membaca dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih seronok, ceria, menarik, dan dinamis (Ahmad Jaffni, 1996) berbanding dengan penggunaan buku teks yang penyampaianya agak membosankan pelajar seperti yang dinyatakan oleh Endah dan Hanif (2010) berikut.

“Informasi pembelajaran yang disajikan dalam bentuk buku membuat seorang siswa kurang tertarik kerana media pembelajaran yang ditampilkan oleh buku kurang tersedia secara lengkap sebagai media belajar kerana yang ditampilkan hanya berupa teks dan pada tampilan isi buku yang tidak dapat divisualisasikan sehingga tampilannya monoton (tidak bergerak dan hitam putih)”(hlm. 1)

Oleh hal yang demikian, pengintegrasian teknologi khususnya penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu usaha yang baik. Hal ini kerana multimedia mampu menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat, tepat dan mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (Zamri & Mohamed Amin, 2008). Malah menurut Abdul Rasid dkk (2012) pelaksanaannya ke atas murid-murid yang bermasalah dalam kemahiran membaca dan menulis akan memberikan impak yang lebih positif. Hal ini demikian, bahan multimedia biasanya menggabungkan teknik suara, bunyi, gambar, video (Glasgow, 1996) serta teks yang pelbagai untuk mewujudkan persekitaran yang baharu di samping kaya dengan maklumat bahasa. Manakala Ros Azura (2002) dan Hamzah (2004) pula menyatakan bahawa penggunaan bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat:

1. Membantu guru-guru bahasa Melayu mengajar dengan menarik dan tidak mengarah kepada pengajaran dan pembelajaran secara autokratik.
2. Membantu memotivasi pelajar untuk terus belajar secara lebih menyeronokkan.
3. Memastikan pelajar memainkan peranan aktif dalam pembelajaran mereka di mana pelajar belajar mengikut tahap dan kebolehan mereka.
4. Membolehkan pelajar belajar memperoleh dan mencapai maklumat dengan mudah mengikut tahap dan kebolehan mereka.
5. Menjadikan pelajar belajar secara sendiri, spontan dan berkesan berdasarkan mod pembelajaran yang digemarinya.
6. Membolehkan pelajar mengembangkan pengalaman dan kebolehan mereka dengan menerokai pembelajaran secara kendiri.

Download English Version:

<https://daneshyari.com/en/article/1113696>

Download Persian Version:

<https://daneshyari.com/article/1113696>

[Daneshyari.com](https://daneshyari.com)